

26 OCT 1999

BELANJAWAN-PERTANIAN/I

PERTANIAN MUNGKIN LIHAT LEBIH BANYAK GALAKAN DALAM BELANJAWAN 2000

Oleh: Leslean Arshad

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Ulasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mengenai menjadikan Malaysia sebuah pengeluar makanan yang besar kelihatan seolah-olah kejutan ke arah membina semula sektor pertanian negara.

Apa yang boleh ditawarkan oleh Belanjawan 2000 daripada segi galakan dan langkah-langkah untuk membantu menjadikan wawasan perdana menteri itu satu kenyataan dan juga meningkatkan keupayaan pengeluaran makanan negara?

"Saya pasti bahawa kerajaan akan memberikan lebih banyak galakan (bagi pertanian). Saya positif mengenai wawasan Mahathir," kata Kerk Loong Sing, pengerusi jawatankuasa pertanian Dewan Perdagangan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur & Selangor.

"Oleh kerana kerajaan mahu membangunkan pertanian, ia akan melihat semua jalan untuk membantu peladang dan pengamal pertanian," katanya apabila diminta mengulas mengenai bagaimana sektor itu boleh dicergaskan semula.

Pertanian, terutamanya pengeluaran makanan, telah tercicir kebelakangan ini tetapi krisis ekonomi baru-baru ini telah memberikan pengajaran yang berharga dan mendorong pertimbangan yang bersungguh-sungguh mengenai memperbaiki keadaan.

Dan kenapa tidak? Bil import makanan negara telah melambung kepada RM10 bilion setiap tahun.

Kerk berkata sungguhpun kerajaan telah berusaha gigih untuk membantu sektor pertanian, masih banyak perlu dilakukan.

Katanya galakan-galakan pertanian mungkin dalam bentuk subsidi, penyelidikan dan pembangunan dan kemudahan-kemudahan infrastruktur.

Malaysia, katanya seharusnya mengeksploit sepenuhnya laut dan sungainya untuk meningkatkan pengeluaran makanan.

Kerk percaya bahawa Malaysia diramal menghadapi kekurangan daging lembu di masa akan datang.

Katanya Malaysia dijangka kekurangan 120,000 tonne daging pada 2000, 170,000 tonne dalam 2005 dan 240,000 tonne dalam tahun 2010.

Kerk mencadangkan supaya Malaysia belajar daripada negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, Australia, Jepun, Thailand dan Taiwan mengenai bagaimana mereka telah memangunkan sektor pertanian mereka.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi disebut sebagai berkata bahawa Malaysia berazam untuk menjadikan sektor pertaniannya relevan walaupun berdekad-dekad pengindustrian yang pesat dan akan menghalang pertanian daripada menjadi sektor menjelang senja.

"Malahan, ketika kita bergerak ke arah menjadi negara perindustrian, lebih daripada tiga juta rakyat Malaysia terus bergantung kepada sektor pertanian." kata Abdullah.

Abdullah juga disebut sebagai berkata bahawa kegawatan ekonomi dalam dua tahun yang lalu telah menekankan semula pentingnya sektor pertanian.

"Apabila pengimportan makanan menjadi mahal, adalah penting bagi memastikan bahawa kita boleh hampir kepada kecukupan diri dalam pengeluaran makanan untuk mengekalkan bil makanan kita rendah," katanya.

-- BERNAMA

LES SHY OS